

Headline	Jaga perpaduan, keharmonian negara Najib		
MediaTitle	Sinar Harian		
Date	05 Feb 2017	Color	Full Color
Section	Nasional	Circulation	160,000
Page No	3	Readership	509,000
Language	Malay	ArticleSize	248 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 4,230
Frequency	Daily	PR Value	RM 12,691



Jaga perpaduan, keharmonian negara: Najib

KUALA LUMPUR - Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak berkata, perpaduan dan keharmonian kaum perlu diperkasakan untuk Malaysia kekal negara yang aman dan makmur.

Menggunakan analogi pokok damar minyak yang ditanamnya di Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM) pada 2004, Najib berkata, pokok itu dijaga dan dibaja dengan baik sehingga menjadi sebatang pokok yang besar dan kukuh.

"Jangan sekali-kali kita tebang pokok yang kita dah tanam ini, sebab kalau kita tebang, bagi anai-anai makan, pokok rebah dan tumbang, kita tidak ada tempat berteduh (dan keadaan itu akan) menjadikan Malaysia sebuah negara yang gagal," katanya ketika merasmikan sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia di FRIM, semalam.

Najib berkata, sekalipun Perkara 3 Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa agama Islam ialah agama rasmi persekutuan, namun penganut agama lain boleh mengamalkan anutan mereka dengan aman dan damai.

Menurutnya, sekalipun Malaysia penuh dengan kepelbagaian dan kemajmukan kaum dan agama yang mungkin terlalu kompleks berbanding negara lain, namun asas perpaduan dan keharmonian itulah yang terus meletakkan Malaysia kekal aman dan makmur.

"Kalau kita sebagai pewaris kepada



Foto: BERNAMA

Najib (dua, kanan) melawat gerai pameran selepas merasmikan sambutan Minggu Keharmonian Antara Penganut Agama Sedunia, semalam.

pengasas negara (terus) mempertahankan perlembagaan, membawa makna kepada perlembagaan, mengukuhkan (perlembagaan), nescaya, negara kita terus hidup aman harmoni walaupun kepelbagaian, kemajmukannya mungkin yang terlalu kompleks berbanding dengan negara lain," katanya.

Najib berkata, kepelbagaian itu perlu dipertahan dan dihormati oleh semua lapisan masyarakat serta tidak menjejaskannya dengan perbuatan negatif sehingga boleh memecahbelahkan perpaduan rakyat.

"Kita tidak boleh ganggu, tidak boleh

sekat atau hina (agama dan kaum lain) walaupun dalam *Facebook* atau *Twitter*, kita mesti hormat setiap agama dan penganut... keunikan kepelbagaian ini yang mesti kita pertahankan, kita perkukuh sebagai cara hidup Malaysia," katanya.

Najib turut menzahirkan kesungguhannya dalam mengukuhkan lagi perpaduan kaum dan agama di negara ini, sepertimana dilaksanakan pemimpin sebelum ini.

Katanya, sambutan perayaan pelbagai agama turut diraikan dan dijadikan sambutan kebangsaan, dan ia melambangkan keharmonian negara. - *Bernama*